

# ATURAN DERMASISWA DAN HADIAH KECERMELANGAN

---

- Aturan ini hendaklah dinamakan “ Aturan Dermasiswa dan Hadiah Kecermelangan Koperasi Perkhidmatan Pelajaran Nasional Berhad ”.
- Dalam aturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain :-
  - “ Dermasiswa ” ertinya suatu sumbangan yang diberikan oleh Koperasi kepada anggota dan anak-anak yang melanjutkan pelajaran ke pengajian tinggi mengikut syarat yang ditetapkan.
  - “ Hadiah Kecermelangan ” ertinya hadiah yang diberikan bagi menghargai kecermelangan yang diperolehi oleh anak-anak anggota Koperasi ini.
- Tujuan “ Dermasiswa ” adalah untuk membantu anggota atau anak-anak anggota yang akan melanjutkan pelajaran ke IPTA/IPTS dengan kadar-kadar yang telah ditetapkan.
- Tujuan “ Hadiah Kecermelangan ” pula adalah untuk menghargai kejayaan anak-anak anggota yang mencapai kejayaan cemerlang dalam peperiksaan SPM, PMR dan STPM.
- Sumber kewangan bagi melaksanakan aktiviti ini diperolehi daripada :-
  - Hasil penolakan daripada gaji anggota bagi setiap bulan dengan caruman wang sebanyak RM5.
- Jenis derma dan hadiah yang dikeluarkan di bawah Kumpulan Wang ini adalah di dalam bentuk wang tunai kepada mereka yang layak menerimanya.
- Nilai Hadiah yang boleh dikeluarkan pada setiap tahun hendaklah diputuskan oleh Lembaga bergantung kepada kedudukan kewangan Kumpulan Wang ini.
- Kelayakan/syarat yang ditetapkan untuk Dermasiswa :-
  - Anggota aktif sekurang-kurangnya 3 tahun.
  - Umur bawah 23 bujang dan masih dibawah tanggungan ibu bapa.
  - Mengisi borang permohonan Dermasiswa dan sertakan salinan dokumen :-
    - i. Surat tawaran ke IPT, Sijil Kelulusan Tertinggi, Kad Pengenalan, Silangan Sijil Kelahiran.
    - ii. Keputusan peperiksaan semester pertama, pengesahan kemasukkan daripada IPTA/IPTS.

iii. Bantuan hanya sekali untuk anggota dan permohonan dibuat semasa sedang menuntut.

- Kelayakan/syarat yang ditetapkan untuk Hadiah Kecermelangan :-
  - Anggota aktif sekurang-kurangnya keahlian 3 tahun berturut-turut.
  - Mengisi borang kecermelangan pendidikan, tidak lewat 12 bulan selepas peperiksaan.
  - Umur anak bagi SPM tidak melebihi 23 tahun.

PEPERIKSAAN	KEPUTUSAN DIPERLUKAN
STPM	PNGK 4.0
SPM	8A ke atas
PT3	9A ke atas
UPSR/UPSA	5A ke atas

- Kadar sumbangan Dermasiswa

PERINGKAT	PERMOHONAN ANGGOTA	PERMOHONAN ANAK PERTAMA	PERMOHONAN ANAK KEDUA	PERMOHONAN ANAK KETIGA DAN SETERUSNYA
PHD	RM1500.00			
SARJANA	RM1000.00			
IJAZAH PERTAMA	RM700.00			
MATRIK / DIPLOMA / IJAZAH / MASTER / PHD		RM500.00	RM400.00	RM400.00

- Kadar sumbangan Hadiah Kecemerlangan

BIL	PEPERIKSAAN	KADAR HADIAH
1	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia(STPM)	RM200.00
2	Sijil Pelajaran Malaysia(SPM)	RM150.00
3	Pentaksiran Tingkatan Tiga(PT3)	RM100.00
4	Ujian Penilaian Sekolah Rendah(UPSR) & Ujian Penilaian Sekolah Rendah Agama(UPSRA)	RM70.00